

26 AUG 1996

Fong-China

MALAYSIA AKAN ADA PERKONGSIAN DENGAN KOLEJ-KOLEJ DI TIMUR JAUH

BEIJING, 26 Ogos (Bernama) -- Malaysia sedang berusaha untuk mengadakan kerjasama berbentuk perkongsian dengan kolej-kolej swasta di timur jauh dan telah mencadangkan negara-negara lain di rantau ini supaya turut berbuat demikian, kata Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Dr Fong Chan Onn hari ini.

"Sekiranya kita mempunyai komitmen untuk memupuk kerjasama erat dengan institusi-institusi Asia, kecenderungan kepada pendidikan barat boleh ditukar secara beransur-ansur," kata beliau dalam kertas kerjanya bertajuk "Asia: Pusat Perkongsian Kecermelangan Pendidikan Kearah Abad ke-21" di Dialog Beijing di sini hari ini.

Katanya apa bentuk kerjasama sekalipun antara institusi swasta negara-negara Timur Jauh akan membantu mempercepatkan proses ini.

Sebelum itu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir menyampaikan ucaptamanya di upacara pembukaan dialog itu di Hotel China World di sini. Sejumlah 700 peserta, termasuk 250 orang ahli perniagaan Malaysia, menghadiri dialog dua hari itu.

Dr Fong berkata sementara negara-negara barat terus menjadi tumpuan utama kepada mereka yang ingin mendapat kecemerlangan akademik, negara-negara Asia boleh bekerjasama dalam bidang-bidang teknikal dan latihan vokasional.

Kata beliau perubahan negara-negara Asia kepada perindustrian memerlukan lebih ramai jurutera, kakitangan teknikal dan pengurusan dan tenaga kerja yang mahir.

"Ini merupakan bidang yang berpotensi untuk peningkatan kerjasama yang kita di Asia boleh terokai," kata beliau sambil menambah bahawa minat yang sedang bertumbuh kepada bahasa Jepun dan Mandarin boleh dijadikan peransang untuk menggalakkan hubungan dan perkongsian dalam pendidikan dirantau ini.

Dr Fong berkata kebangkitan Asia Timur sebagai kuasa ekonomi dan populariti bahasa-bahasa Asia yang semakin meningkat, digalakkan dengan pelancongan antara negara-negara Timur jauh dan pelaburan asing memungkin kerjasama yang lebih dalam pendidikan di masa depan.

Dr Fong juga bercakap panjang lebar mengenai usaha Malaysia untuk menjadi pusat kecermelangan pendidikan.

Kata beliau selain dari mengadakan sokongan lojistik seperti melancarkan Koridor Raya Multimedia, Malaysia juga berazam untuk memastikan supaya kualiti tidak dikompromikan dengan kuantiti.

Menurut Dr Fong sebagai langkah untuk memudahkan kemasukan pelajar-pelajar asing, kementerian telah memberi kuasa kepada kolej-kolej swasta mengeluarkan surat sokongan kepada mereka untuk mendapat visa. --

BERNAMA ES WAT